

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

KUALA LANGAT / SEPANG

'Mereka tak fikir kesannya...'

Tindakan segelintir pihak bersihkan kebun dengan cara pembakaran jejas kesihatan penduduk sekitar

BANTING - Masyarakat digesa menghentikan mana-mana pembakaran terbuka termasuk aktiviti berisiko mencetuskan kebakaran, terutama dalam keadaan cuaca panas dan kering pada masa ini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Banting, Mohd Jaslizad Jalil berkata, langkah berjaga-jaga perlu bagi mengurangkan kesan fenomena El-Nino yang dialami sekarang.

Menurutnya, masih terdapat aduan mengenai individu yang melakukan pembakaran terbuka untuk membersihkan kebun atau ladang bagi tujuan pertanian.

"Orang yang buat pembakaran terbuka ni, pentingkan diri sebab sanggup bersihkan kawasan kebun dengan cara macam tu.

"Mereka tak fikir kesannya pada orang lain," katanya mengulas tindakan mementingkan diri segelintir individu yang melakukan pembakaran terbuka.



Anggota bomba bertungkus-lumus memadamkan api di Kampung Permatang Pasir.

Beliau berkata, sikap tidak bertanggungjawab itu menyebabkan masyarakat terutama penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran berdepan pelbagai masalah.

"Pembakaran terbuka dalam keadaan cuaca panas dan kering ni menyebabkan api lebih mudah merebak.

"Pelepasan asap daripada pembakaran terbuka itu boleh menjejaskan kesihatan dan keselesaan masyarakat... rutin harian penduduk lain pun akan terganggu," katanya.

Isnin lalu, penduduk di Kampung Permatang Pasir, Jugra, berdepan masalah apabila sebuah belukar di kawasan berkenaan terbakar dipercayai



Kebakaran yang berjaya dipadamkan.

disebabkan pembakaran terbuka.

Kejadian kira-kira jam 12.30 tengah hari itu menyebabkan pandangan pengguna di laluan itu menjadi terhad disebabkan asap.

Mohd Jaslizad berkata, kawasan sepanjang jalan yang terbakar itu melibatkan keluasan 18.5 meter persegi dan bomba terpaksa membuat pe-

madaman menggunakan satu aliran salur bantu mula dari air tangki pam jentera bomba dan pemerap api.

"Tiada kemalangan jiwa dilaporkan, namun kita bimbang kebakaran sama berulang.

"Orang ramai diharap dapat terus memberikan kerjasama mencegah pembakaran terbuka," katanya.